

08 NOV 1996

MAHATHIR TIBA DI GHANA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA (Ghana), 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini dari Guinea untuk memulakan lawatan rasmi empat hari ke Ghana, negara kedua dalam lawatannya ke Afrika Barat.

Perdana Menteri diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa orang menteri, menteri besar dan ketua menteri selain sekumpulan besar ahli perniagaan.

Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Kotoka pada 11.45 pagi waktu tempatan (7.45 malam waktu Malaysia) disambut oleh Presiden Jerry Rawlings dan isteri Nana Konadu Agyeman Rawlings.

Selepas sambutan secara tradisi Ghana dan menerima tabik hormat daripada pasukan kawalan kehormatan tentera, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah diraikan pada jamuan makan tengah hari oleh Rawlings dan isteri.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir meletakkan kalungan bunga di Dataran Revolusi dan di Tugu Kwame Nkrumah. Nkrumah ialah Baba Kemerdekaan Ghana.

Beliau kemudian melancarkan dua usahasama sektor swasta yang melibatkan kepentingan Malaysia -- usahasama perbankan Malaysia-Ghana, Metropolitan and Allied Bank, dan Gama Media System Limited yang disertai TV3 sebagai rakan luar negara.

-- BERNAMA

RN AHH